

PERALIHAN KE ZAMAN EKOLOGI

Oleh SHAHARUDIN IDRUS



KESEMPATAN menghadiri seminar yang bertemakan “Peralihan kepada Kelestarian” di Auckland, New Zealand, baru-baru ini membuka pemikiran penulis untuk memahami Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang dilakukan oleh kerajaan dengan lebih mendalam.

Transformasi tersebut seharusnya tidak tertumpu pada transformasi fizikal semata-mata, malahan lebih jauh lagi, termasuklah transformasi pemikiran, nilai, dan budaya untuk melonjakkan negara menjadi negara berpendapatan tinggi.

Antara isu yang dibincangkan dalam persidangan tersebut termasuklah keadaan masyarakat industri sekarang yang terbentuk sejak ratusan tahun yang lalu, kini berhadapan dengan pelbagai masalah masyarakat, alam sekitar dan ekonomi. Permasalahan lebih menonjol dalam kalangan ketiga-tiga tunjang utama aspek kelestarian, iaitu kelunturan ekologi yang berkaitan dengan kejadian serta isu pemanasan global, perubahan cuaca yang tidak

menentu, pencemaran sisa pepejal dan sebagainya.

Sehubungan dengan hal itu, dicadangkan agar model pembangunan ekonomi masyarakat industri kini beralih bentuknya kepada model pembangunan ekonomi zaman ekologi untuk membina ketamadunan bangsa yang lebih tinggi.

Zaman ekologi dicirikan dengan masyarakatnya yang lebih mementingkan penjagaan alam sekitar dan pada masa yang sama memiliki sumber ekonomi yang baik, berterusan, dinamik, serta masyarakatnya menghala ke arah yang lebih lestari.

Jika dalam masyarakat industri, tumpuan pembangunan ekonomi hanya terhadap ukuran ekonomi semata-mata, misalnya Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Namun begitu, dalam masyarakat zaman ekologi, tumpuannya terhadap ukuran ekologi, seperti jejak karbon, air dan elektrik, pengurangan karbon dioksida, serta indeks pembangunan manusia yang menjadi asas kehidupan masyarakat

seharian, selain KDNK yang menjadi ukuran ekonomi sejak sekian lama.

Bagi menghalakan masyarakat sebagai masyarakat ekologi, arah dan matlamat pembangunan negara perlu mengambil kira lebih daripada satu matlamat pembangunan, dan bukan tertumpu pada pembangunan ekonomi semata-mata, tetapi pembangunan yang lebih mapan. Dengan kata lain, pembangunan ekonomi yang menjadi tunjang pembangunan negara harus dilihat dalam konteks pembangunan ekologi dan pembangunan sosial secara serentak.

Jika perkara ini tidak diberikan perhatian secara serius, pembangunan ekonomi yang bertunjangkan ekonomi semata-mata akan membawa negara kepada kelunturan ekologi dan sosial yang lebih parah pada masa hadapan.

Peralihan yang berlaku dari zaman industri ke zaman ekologi menuntut pelbagai transformasi besar yang perlu dilakukan seiring dengan hasrat besar pembangunan ekonomi untuk melonjakkan negara

mencapai wawasan negara maju. Contohnya, dalam bidang perancangan bandar di negara ini, pengetahuan, pemikiran, nilai, dan tindakan yang diambil oleh perancang bandar dalam membangunkan bandar di Malaysia perlu selari dengan transformasi besar yang dihasratkan oleh kerajaan itu.

Beberapa perubahan besar perlu dilakukan dalam bidang perancangan bandar itu sendiri dan segala perkara yang menyangkut bidang tersebut.

Pengetahuan, pendidikan, latihan dan amalan yang dilakukan oleh perancang perlu mengalami perubahan seiring dengan perubahan yang berlaku dalam sistem ekologi dunia.

Jika dahulu, pembangunan bandar tidak mengambil kira aspek pemanasan global dan kesan rumah tanaman dengan begitu serius. Sebaliknya kini, perkara tersebut menjadi antara faktor penentu dalam pembangunan bandar agar warganya dapat hidup dengan selesa walaupun berlaku perubahan cuaca yang tidak menentu. Perancang perlu berubah corak pemikiran daripada mod yang lama kepada pemikiran yang lebih bersifat sistematik atau mod kelestarian.

Perancang tersebut perlu bertindak sebagai pemimpin yang mampu

membawa negara ke arah lebih bermaruah dan berintegriti. Mereka tidak hanya melihat perancangan fizikal guna tanah semata-mata, tetapi aspek lain seperti kadar pengurangan karbon, jejak tapak air, jejak tapak elektrik dan pelbagai jejak tapak agar perancangan yang dilakukan lebih membawa manfaat kepada negara dan bangsa.

Selain itu, Dasar Perbandaran Negara (DPN) dan pelan induk pembangunan luar bandar wajar diteliti semula agar pembangunan bandar yang dilaksanakan tidak terpisah daripada pembangunan luar bandar yang rata-ratanya di kawasan desa dan kampung yang dihuni kaum Melayu dan bumiputera.

Seandainya kedua-dua entiti bandar dan luar bandar masih dalam konteks yang terpisah-pisah, penghasilan pengeluaran pertanian, misalnya terbelenggu dalam sistem jaringan yang tertutup. Sistem ini turut sukar memecahkan monopoli jaringan perniagaan yang terbentuk sebelum ini yang sering menjadi kerisauan petani dan peladang di desa. Kesannya, sekatan perniagaan dalam kalangan kapitalis bermodal besar terus menekan peniaga kecil-kecilan

dan terus terperosok dalam kemiskinan yang berterusan.

Amalan pertanian secara lestari dilaksanakan melalui peningkatan latihan terhadap pengusaha dan peladang, serta jaringan maklumat dan peralatan pertanian moden. Peranan perancang dalam hal ini penting untuk merancang pembangunan bandar tanpa meninggalkan kepentingan luar bandar yang menjadi penyumbang besar terhadap aliran sumber negara.

Pembentukan jaringan desa bandar baharu yang lebih mapan dengan mengambil kira senario yang berlaku di desa dengan lebih mendalam, transformasi yang dilakukan menjurus kepada peralihan zaman ekologi.

Usaha yang berterusan dalam membangunkan ekonomi harus menjurus kepada peningkatan secara berperingkat ke arah kelestarian melalui pembangunan pengeluaran yang optimum disertai infrastruktur yang inovatif untuk kesejahteraan masyarakat. 

Shaharudin Idrus, Felo Penyelidik/Pensyarah Kanan, Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.



Transformasi pembangunan ekonomi masyarakat industri bukanlah semata-mata tertumpu pada ekonomi.